

**SOALAN NO. 24****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAHFUZ BIN  
HAJI OMAR [POKOK SENJA]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Senja] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:-**

(a) berapa jumlah anggota rombongan yang menyertai percutian Perdana Menteri ke Bali 26 Jun - 30 Jun 2017 dan Perth Australia pada awal Julai 2017 dan apakah hubungan mereka dengan Perdana Menteri; dan

(b) berapakah kos Ringgit Malaysia perjalanan jet khas PM, penerbangan komersial, jumlah dan kos bilik hotel penginapan dan kos-kos lain.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hanya menanggung kos perbelanjaan melibatkan program/lawatan rasmi sahaja manakala elaun dan kelayakan lain bagi Menteri, Timbalan Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Sekian, terima kasih.